

Klik Untuk
Saksikan

BUSINESS

Keywords

CAGAMAS LANTIK KAMEEL ABDUL HALIM SEBAGAI PRESIDEN, KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



18/08/2023 01:31 PM

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) – Cagamas Bhd melantik Kameel Abdul Halim sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) baharunya, berkuat kuasa 11 Sept 2023.

Kameel akan menggantikan Datuk Chung Chee Leong, yang tamat penggalnya pada 30 Ogos 2023.

Dalam satu kenyataan hari ini, perbadanan gadai janji negara itu menyatakan bahawa Kameel mempunyai pengalaman lebih daripada 25 tahun dalam industri perkhidmatan kewangan, dengan pelbagai kepakaran dalam perbankan komersial, kewangan pembangunan dan perbankan pelaburan.

"Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dari Coventry University, United Kingdom (UK), dan Ijazah Sarjana Pengurusan Risiko (Kepujian) dari University of Nottingham, UK.

"Lembaga pengarah berbesar hati mengalu-alukan Kameel yang akan menerajui syarikat dalam fasa pertumbuhan akan datang," kata Cagamas.

– BERNAMA